



GAMBAR kenangan penceramah bersama peserta Kursus Penternakan Kambing Pedaging dan Asas Perniagaan 2019.

PKA anjur Kursus Penternakan Kambing Pedaging dan Asas Perniagaan 2019

UB 4.4.2019 B2

KOTA KINABALU: Pusat Kerjaya dan Alumni (PKA), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Terus Jaya Industri mengadakan Kursus Penternakan Kambing Pedaging dan Asas Perniagaan pada 15 – 16 Mac lalu bertempat di Auditorium Perpustakaan, UMS dan 17 Mac 2019 di Ladang Boersuin Goat Farm, Kg. Ramayah Penampang.

Kursus ini menampilkan dua orang penceramah kursus yang merupakan wakil

daripada Terus Jaya Industri iaitu Sably Yusin yang juga Alumni UMS (2006/2009) dan Abd. Kader Abd. Rahman.

Lebih 100 orang peserta kalangan siswa/siswi UMS, kakitangan UMS dan peserta dari luar menyertai kursus ini.

Kursus ini mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan daripada para peserta dan diharapkan kursus seumpama ini dapat diadakan lagi pada masa akan datang.

Timbalan Naib Canselor

(HEPA) Prof. Dr. Ismail Ali, menyatakan harapan supaya kursus seperti ini dapat memberi peluang kepada peserta terutama siswa/siswi UMS menjadi usahawan menceburi bidang penternakan yang jarang-jarang diusahakan masa kini.

Turut hadir dalam kursus itu adalah Ketua Bahagian Latihan dan Modal Insan, PKA Nurul Fatiha Firdaus Roslan dan Nazeera Nur Arfeeza Apandi daripada Terus Jaya Industri.